



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/85 (34)  
Tarikh : 4 Januari 2015

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## **URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN SETIAUSAHA PEJABAT GRED N32 KE GRED N36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) akan melaksanakan urusan persediaan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan untuk pemangkuan bagi jawatan berkenaan. **Setiausaha Pejabat Gred N32 hakiki** layak dipertimbangkan bagi pemangkuan ke Gred N36 apabila memenuhi syarat-syarat berikut:-

- 2.1 telah dinaikkan pangkat ke Gred N32 pada atau sebelum 31 Julai 2013;
- 2.2 mencapai markah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini (2012, 2013 dan 2014) **tidak kurang 80%**;
- 2.3 lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.4 telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.5 bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.6 bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib; dan
- 2.7 **diperaku oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dilengkapkan dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** serta mengemukakan bersama-sama dokumen-dokumen yang telah disahkan pada setiap helaian muka surat seperti di bawah:

- 3.1 **satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemas kini; dan**
- 3.2 **satu (1) salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terkini (2012, 2013 dan 2014).**

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam **sebelum atau pada 5 Februari 2015 (Khamis)** di alamat:

Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
**(u.p: Puan Norziatulshima Binti Tajuddin)**

5. Sukacita diingatkan bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam**. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM** boleh menyebabkan **permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:


- i. Puan Nurul Hasanah binti Hilmi - 03 8887 8627  
hasanah.hilmi@jpa.gov.my
- ii. Puan Sharifatul Aishah binti Baseri - 03 8885 4939  
aishah.baseri@jpa.gov.my
- iii. Puan Salina binti Ibrahim - 03 8885 4939  
salina.ibrahim@jpa.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( NORZIATUL SHIMA BINTI TAJUDDIN )**  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**Malaysia**

☎ : 03-8885 4110

✉ : shima.tajuddin@jpa.gov.my